

Tempah pakej umrah tanpa deposit langgar akta, Papuh selar MATA

KOSMO 30/11/2020 M/S: 13

SHAH ALAM - Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji (Papuh) menyelar kenyataan Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA), yang mencadangkan pengendali umrah dilarang mengambil wang pendahuluan untuk mengelakkan jemaah ditipu.

Setiausaha Agung Kehormatannya, Faridah Hamid berkata, cadangan MATA itu bertentangan dengan Akta 482 Industri Pelancongan yang menyatakan tempahan perlu disertakan dengan bayaran deposit.

"Mungkin akan ada bakal jemaah yang mengambil kesempatan untuk enggan membayar deposit.

"Tanpa sebarang bayaran deposit, pelanggan boleh membatalkan tempahan dengan sesuka hati," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Terdahulu, MATA menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Presidennya, Mohd Khalid Harun berkata, kebenaran diberikan kepada ejen pelancongan oleh pihak berkuasa sebelum ini membuka ruang kepada penipuan.

Susulan itu, beliau menyarankan kerajaan melarang pengendali umrah daripada mengambil wang pendahuluan untuk mengelakkan jemaah ditipu.

Minggu lalu, Kementerian Pelancongan,



JAN AGENSI PELANCONGAN UMRAH (PAPUH)

Seni dan Budaya (MOTAC) memutuskan akan meneliti dan menyemak semula kelayakan syarikat agensi pelancongan terutamanya perniagaan berkaitan perjalanan mengerjakan umrah di Arab Saudi.

MOTAC menjelaskan, tindakan diambil susulan aduan orang ramai khususnya jemaah

umrah yang menjadi mangsa penipuan syarikat agensi pelancongan masih diterima walaupun tindakan tegas seperti membatalkan lesen terhadap syarikat terlibat sudah dilaksanakan.

Mengulas lanjut, Faridah berkata, Kementerian seharusnya menyenaraikan syarikat agensi umrah yang menipu berbanding hanya mengeluarkan kenyataan rambang sedemikian.

"Dalam suasana industri umrah yang merudum sehingga 50 peratus ketika ini, Papuh berpandangan adalah lebih baik jika MOTAC turut membantu meningkatkan kembali keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap industri umrah.

"Jangan mengeluarkan kenyataan 'separuh masak' dengan menyebut syarikat agensi umrah menipu tanpa menyebut nama syarikat tersebut. Perkara ini telah banyak kali kami maklumkan setiap kali perjumpaan dan mesyuarat bersama dengan MOTAC," tegasnya.